

01 SEP 2000

Mahathir-Tiba/I

DR MAHATHIR TIBA DI CHICAGO UNTUK LAWATAN KERJA TIGA HARI

Oleh: Mohd Kamel Othman

CHICAGO, 1 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini untuk lawatan kerja tiga hari dan untuk menerima anugerah daripada rumah kewangan Islam, Lariba.

Semasa di sini beliau juga akan bertemu dengan para pemimpin korporat dan tokoh-tokoh teknologi maklumat (IT).

Ketibaan Dr Mahathir di lapangan terbang Chicago O'Hare disambut oleh duta Malaysia ke Amerika Syarikat (AS) Datuk Ghazzali Sheikh Khalid.

Beliau diiringi oleh isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan beberapa ahli perniagaan Malaysia.

Dr Mahathir dan isteri kemudian dibawa ke Hotel Four Seasons di sini, yang mana beliau akan menghadiri mesyuarat tertutup dengan Majlis Perniagaan AS-Asean.

Di sebelah petang beliau akan menghadiri Lariba Lifetime Achievement Award 2000 di pusat budaya Islam, Greater Chicago di Northbrook. Lariba adalah satu-satunya pertubuhan kewangan Islam Amerika yang diiktiraf oleh kerajaan AS.

Anugerah itu sebagai pengiktirafan terhadap peranan Dr Mahathir dalam pembangunan ekonomi, dasar kewangan dan kewujudan bersama pelbagai budaya dan etnik dan juga peranan yang dimainkan beliau semasa krisis ekonomi Asia pada tahun 1998.

Tempat beliau akan menerima anugerah itu adalah antara bangunan yang tertua di AS yang dibina oleh rakyat Amerika berketurunan Islam Bosnia yang berpindah ke AS selepas perang dunia pertama.

American Finance House, yang diperbadankan di California dalam tahun 1987, adalah syarikat kewangan bebas yang menawarkan kewangan menurut syariat Islam kepada umat Islam dan bukan Islam di AS.

Selain bermakna "tiada Riba" perkataan "Lariba" juga adalah singkatan kepada "Los Angeles Reliable Investment Bankers Association."

Syarikat itu diberi lesen untuk berniaga di Arizona, California, Georgia, Michigan, Kentucky dan New Jersey. Ia juga sedang mendapatkan kelulusan untuk beroperasi di Minnesota, Colorado, Virginia, Maryland, Illinois, Missouri, Kansas dan Washington.

Esok Dr Mahathir akan melawat pusat Motorola di Schaumburg sebelum mengadakan temu bual dengan Agensi Berita Islam.

Pada Ahad, beliau akan mengadakan sesi perbincangan dengan pemimpin korporat, tokoh dalam bidang IT dan modal teroka termasuk pengerusi syarikat Raytheon Aircraft, Hansel Tookes.

Beliau juga akan menghadiri sesi dialog dengan ahli teknologi AS dan pemodal teroka sebelum menemui kira-kira 400 pelajar Malaysia di Rosemont.

Dr Mahathir juga dijadualkan akan menghadiri sambutan hari Kemerdekaan oleh Kelab Chicago Malaysia di Hotel Westin di North Michigan Avenue, di sini.

Beliau akan berlepas ke New York pada sebelah petang untuk menghadiri perbincangan tidak rasmi dengan pemimpin G-77 pada Selasa (Sept 5).

-- BERNAMA

MKO RI